



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

SIARAN MEDIA

LOJI RAWATAN KUMBAHAN (LRK) BERPUSAT LANGAT DAN TAMAN EKO LANGAT DILANCAR SECARA RASMI

Yang Berhormat Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) hari ini telah merasmikan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat dan Taman Eko Langat di bawah Projek Pembetungan Langat.

Pembinaan Langat Centralised Sewage Treatment Plant (CSTP) dan Penyambungan Rangkaian Paip Pembetungan di Kawasan Tadahan Lembangan Sungai Langat Secara Reka & Bina (CSTP Langat) merupakan salah satu projek di bawah inisiatif dan komponen utama dalam perancangan pembangunan Greater KL, di bawah *River of Life Programme: Sewerage Non-River* dan menggunakan teknologi *rawatan Deep Aeration Method With Step-Feed Multi Stage De-Nitrification Process* dari Jepun.

Projek ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), dengan MMC Pembetungan Langat Sdn Bhd (MMC PLSB) sebagai kontraktor reka dan bina utama serta Gabungan AJP-MFA sebagai Perunding Pengurusan Projek yang dipertanggungjawabkan bagi menyempurnakan projek infrastruktur nasional ini.

Projek ini dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan kos berjumlah RM1.595 billion dan mampu merawat aliran kumbahan sebanyak 207,000m³ sehari atau 920,000 penduduk setara (PE) merangkumi kawasan tadahan seluas 77.6 km² meliputi kawasan Cheras Batu 11, Cheras Jaya, Desa Baiduri serta Kajang 1 & 3.

Ia bertujuan meningkatkan liputan perkhidmatan pembetungan yang berkualiti serta membantu memulihara kualiti air Sungai Langat melalui pelepasan efluen terawat yang mematuhi Akta Kualiti Sekeliling 1974, Peraturan Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan) 2009, sebelum dilepaskan ke Sungai Langat.

Majlis ini turut disertai oleh Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, dan Dato' Haji Rosli Isa, Ketua Setiausaha. Turut hadir ialah Mr. Karimata Atsushi, *Deputy Chief of Mission* (Minister) dari Kedutaan Jepun di Malaysia dan Puan Wong Siew Ki, ADUN Balakong.

Pelaburan besar oleh Kerajaan ini adalah bagi memastikan perancangan penyediaan infrastruktur pembetulan yang moden dan efisien secara berperingkat di seluruh negara dalam mengutamakan keperluan rakyat untuk akses kepada keperluan asas bagi menjalani kehidupan yang lebih produktif dan berlandaskan keadilan sosial. Ia sejajar dengan salah satu Teras Strategik Utama Malaysia Madani iaitu menjamin kesejahteraan insan.

Loji yang terletak di Kampung Sungai Balak, Kajang, Selangor ini turut dilengkapi dengan fasiliti sukan dan rekreasi yang dikenali sebagai Taman Eko Langat dan dibina di atas loji kumbahan tersebut.

Dengan mengadaptasi konsep “return to community”, infrastruktur yang diinspirasikan di atas pengalaman dan kejayaan Jepun ini turut memaksimumkan inisiatif teknologi hijau seperti penuaian air hujan, penggunaan semula efluen, penggunaan biogas dan tenaga solar. Ianya turut dilengkapi dengan kemudahan riadah, sukan dan pusat komuniti untuk dinikmati bersama oleh komuniti setempat termasuk 16 gelanggang badminton, 2 gelanggang sepak takraw, 2 gelanggang bola keranjang, 2 gelanggang futsal, satu kawasan permainan kanak-kanak dan satu dewan komuniti.

Projek ini juga melibatkan penyahtauliah 152 buah loji kumbahan kecil di kawasan tadahan pembetulan Langat di mana aliran kumbahan dari loji-loji yang ditutup ini disambungkan ke sistem rangkaian paip pembetulan baharu yang dibina sepanjang 108 km melalui 12 unit stesen pam.

Dengan penyiapan projek mega ini, adalah dijangkakan kos operasi dan penyelenggaraan operator pembetulan dapat dikurangkan apabila loji rawatan kumbahan yang kecil dan kurang efisien ini akan dinyahtauliah dan dirobuhkan di samping ianya akan mengurangkan potensi pencemaran sungai dan menjamin kelestarian sumber air.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

22 FEBRUARI 2023

